

HARI : ISNIN

SUBJEK : BAHASA MELAYU (KEFAHAMAN)

TARIKH : 21 MAC 2022

TAHUN : 6 BIJAK

Baca petikan di bawah ini. Kemudian, jawap soalan berikut dengan **ayat yang lengkap**.

MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI TENAGA

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei - Majlis Pelancaran Sambutan Hari Tenaga telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin. Sambutan Hari Tenaga yang disambut pada 24 Mei **mencerminkan** usaha padu semua pihak mencapai matlamat penjimatan tenaga.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat mengingatkan rakyat supaya bijaksana dalam penggunaan tenaga bagi mengelakkan **pembaziran**. Rakyat juga haruslah menghargai kemudahan yang dinikmati daripada pemberian **subsidi** kerajaan.

Sambutan Hari Tenaga bertujuan untuk mengingatkan dan menyerapkan kefahaman dan kesedaran rakyat supaya bersikap cekap dan jimat dalam menggunakan sumber-sumber tenaga yang ada.

Di majlis tersebut Yang Berhormat kemudian melancarkan Kelab Tenaga bagi sekolah-sekolah di negara ini. Kelab Tenaga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman penuntut mengenai tenaga dan penjimatan dalam penggunaan tenaga.

Minggu Tenaga juga diadakan bersempena dengan sambutan Hari Tenaga ini. Antara acara yang akan diadakan **sempena** Minggu Tenaga ini termasuklah **forum** tenaga, pertandingan sketsa dan jerayawara.

Kamus Mini

sumber > punca.

sketsa > lakonan pendek yang menggelikan hati.

jerayawara > persembahan yang diadakan dari satu tempat ke satu tempat.

- 1) Di manakah Majlis Sambutan Hari Tenaga telah diadakan? (2 markah)
- 2) Bilakah Hari Tenaga disambut? (2 markah)
- 3) Apakah tujuan Sambutan Hari Tenaga diadakan? (2 markah)
- 4) Apakah acara yang diadakan sempena Minggu Tenaga? (2 markah)
- 5) Pada pendapat kamu, mengapakah kamu mesti berjimat dalam menggunakan tenaga elektrik?
(2 markah)